

Kaedah Penyoalan Dan Penerapan ICT Dalam Pengajaran Lisan Berdasarkan Klip Video

Amilia Baba

amilia_baba@schools.gov.sg

Sarimah Sainin

sarimah_sainin@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Jurong

Abstrak

Berdasarkan pemantauan guru, murid secara umum kurang berupaya menjawab soalan lisan dengan menggunakan kosa kata dan struktur ayat yang gramatis berdasarkan video yang ditonton. Kajian ini menggunakan kaedah penyoalan dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) bagi membimbing murid membina cara berfikir yang lebih berstruktur. Melalui intervensi yang dijalankan, murid diharapkan dapat menyatakan idea atau pendapat secara spontan dan menggunakan kosa kata serta struktur ayat yang gramatis. Aplikasi *Nearpod* telah diterapkan dalam PdP semasa murid membina ayat supaya setiap murid dapat sama-sama berkongsi soalan yang telah dibina. Guru memastikan murid membina soalan-soalan yang sesuai dan relevan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid dapat berfikir dan menjana pelbagai soalan lisan serta melatih diri mereka menjawab soalan-soalan berbentuk '*turning questions*' dalam ujian lisan. Murid dapat melibatkan diri secara aktif sepanjang pembelajaran dan lebih yakin untuk menjawab soalan-soalan lisan dengan baik. Kaedah yang digunakan berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran lisan.

Kata Kunci: kaedah penyoalan, ayat yang gramatis, soalan bermutu, klip video, bahan ICT

PENGENALAN

Laporan Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB) menyatakan bahawa murid hanya berupaya memberi respons yang mudah dan membuat kaitan secara am antara diri dan situasi yang dipaparkan dalam video. Murid juga didapati mengambil masa yang lama untuk memberikan respons kepada soalan-soalan yang diajukan oleh pemeriksa.

Sebagai salah satu langkah untuk menangani masalah ini secara inovatif dan meningkatkan tahap keyakinan murid, pengkaji telah menggunakan kaedah penyoalan dan rutin Menjadikan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*). Pengkaji berasa bahawa penerapan kaedah-kaedah ini dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat membantu membentuk cara murid berfikir dengan lebih berstruktur dan menggalakkan murid menjana idea serta menyumbangkan pendapat mereka secara spontan. Pengkaji juga yakin bahawa murid dapat diasuh untuk menggunakan kosa kata dan membentuk struktur ayat yang gramatis semasa menjalankan aktiviti lisan.

PERNYATAAN MASALAH

Murid secara umum menghadapi masalah mengungkapkan idea dan pandangan mereka tentang perkara yang ditonton dalam klip video menggunakan bahasa Melayu dengan baik. Murid juga seringkali tergamam apabila guru pemeriksa mengajukan soalan (*turning question*). Murid sering menunjukkan ketidakupayaan mereka untuk memberikan pandangan dan pemikiran mereka secara kritis ketika menjawab soalan-soalan lisan, lantas menjejaskan prestasi mereka untuk mencapai markah yang baik dalam peperiksaan lisan.

Pengajaran dan pembelajaran lisan dalam bilik darjah sering berpusat pada guru dan bukan murid. Pelibatan setiap murid semasa PdP lisan didapati agak berkurangan. Peluang untuk murid berkomunikasi secara keseluruhan juga agak terhad kerana pembelajaran lisan dilakukan secara keseluruhan kelas. Murid juga kurang berkeyakinan untuk bertutur dengan fasih kerana tidak didedahkan kepada kaedah-kaedah efektif yang dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran lisan.

Beberapa kajian yang menekankan manfaat penggunaan ICT pada pembelajaran dan pencapaian murid telah dijadikan rujukan bagi kajian ini. Pengkaji sedar akan potensi penggunaan ICT sebagai bahan yang dapat menyokong proses pembelajaran yang berkesan, memperkaya dan berupaya menarik dan mengekalkan minat murid dalam pembelajaran mereka.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan:

1. usaha membina soalan bagi meningkatkan prestasi murid dalam komponen lisan menggunakan video stimulus; dan
2. penggunaan rutin berfikir Menjadkan Pemikiran Jelas (*Making Thinking Visible*) bagi membuat murid berfikir secara kreatif dan kritis; dan
3. penggunaan ICT bagi menyokong dan membentuk proses PdP yang berkesan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Heywood (2000), ujian lisan ialah tugas yang direka bentuk untuk menyediakan murid dengan peluang membangunkan dan menunjukkan penguasaan pengetahuan dan bahasa mereka melalui perbualan dan persembahan.

Tofade et. al. (2013), menyatakan bahawa kaedah membina soalan akan membolehkan murid menganjak daripada memberi respons-respons yang mudah kepada yang melibatkan berfikir secara mendalam tentang sesuatu topik yang diberi. Ini akan berlanjutan kepada respons-respons yang berkaitan dengan diri murid, persekitaran dan skop penyampaian yang lebih luas.

Ron Ritchhart, Mark Church and Karin Mirrison (2011), menggunakan rutin berfikir Sudut Pandangan (*Circle of Viewpoints*) dalam *Making Thinking Visible*, sebagai alat untuk murid berfikir secara berulang-ulang bagi membantu murid mengaitkan pengetahuan baharu dengan pengetahuan sedia ada yang mereka punyai. Selain itu, kaedah ini juga membina keupayaan murid berfikir dan membina budaya berfikir di dalam kelas.

KAEDAH KAJIAN

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti kelemahan murid dalam bahagian perbualan berdasarkan klip video sebelum murid menjalani PdP kemahiran lisan dengan kaedah penysoalan dan Menjadikan Pemikiran Jelas. Tinjauan lanjut dilakukan agar guru pengkaji dapat mengenal pasti masalah murid untuk mencapai prestasi cemerlang dalam pembelajaran dan peperiksaan lisan. Proses mengenal pasti kelemahan murid dijalankan



sebelum murid didedahkan kepada pengajaran lisan menggunakan kaedah dalam tajuk kajian.

Kaedah yang dijalankan berbentuk eksperimental. Murid digalakkan membina seberapa banyak soalan setelah menonton klip video yang diberi. Murid telah didedahkan kepada soalan yang bermutu dan soalan remeh. Murid menggunakan aplikasi *Nearpod* untuk memamerkan soalan-soalan yang telah dibina dan bagi memudahkan sesi perbincangan dijalankan.

Pada akhir kajian, penilaian dijalankan mengikut maklum balas guru Bahasa Melayu sebagai guru pemeriksa bagi peperiksaan akhir tahun SA2. Maklum balas guru-guru Bahasa Melayu yang lain juga diambil kira untuk menghalusi dan meningkatkan kaedah pengajaran lisan ini.

Amalan Pengajaran Singapura (STP) yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada pelaksanaan pelajaran dan penilaian serta maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses tersebut:

Jadual 1: Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	<p>AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p> <p>AP: AP17: Memberikan Penerangan yang Jelas</p>	<p>AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru memberikan tunjuk cara menggunakan teknik-teknik 5W1H, Lihat-Fikir-Tanya dan Sudut Pandangan berdasarkan video yang ditonton. Murid merujuk kepada soalan rangsangan sambil mendengar dan memerhatikan cara guru menyampaikan jawapan. Murid digalakkan untuk bertanyakan soalan setiap kali guru selesai menjawab satu soalan.</p> <p>AM4: Model Pemikiran Lantang (<i>Model Thinking Aloud</i>) Guru menggunakan aplikasi <i>Nearpod</i> bagi memodelkan penghasilan soalan-soalan bermutu yang murid perlu bina. Soalan-soalan dibina berdasarkan tontonan video yang dipaparkan. Murid dibantu untuk merakamkan soalan dan jawapan yang difikirkan melalui aplikasi <i>Nearpod</i> tersebut.</p>



Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau Pemahaman dan Memberi Maklum Balas	AM3: Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak Guru memberikan borang maklum balas untuk dilengkapkan oleh murid bagi meneliti keberkesanan pelajaran dan respons mereka terhadap pengajaran lisan yang telah dijalankan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan penggunaan teknik penyoalan dan aplikasi ICT bagi menghasilkan soalan-soalan yang bermutu. Murid dibantu untuk menjana idea dan memikirkan jawapan-jawapan yang bernas dan kreatif bagi menjawab soalan-soalan lisan dengan lebih baik.	

Subjek Kajian

Kumpulan murid yang terlibat dalam kajian ini merupakan murid Darjah 5. Mereka terdiri daripada murid yang memiliki tahap kemahiran sederhana. Hasil dari penilaian yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa penerangan murid mengenai kandungan klip video yang mereka tonton amat terhad dan mereka memerlukan masa yang panjang untuk menjawab pertanyaan guru pemeriksa. Malah, mutu isi jawapan yang diberi berbentuk terlalu asas. Murid tidak dapat meluahkan perasaan dan pandangan dengan mendalam. Perkembangan respons agak terbatas dan ada juga murid yang menjawab dengan hanya menggunakan dua tiga patah perkataan. Ramai murid tergamam dan kaku apabila diajukan soalan ketiga di mana murid diminta memberikan saranan atau pendapat mereka.

Instrumen Kajian

Instrumen utama kajian ini ialah teknik penyoalan dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas. Instrumen lain bagi kajian ini merupakan aplikasi *Nearpod* (<https://nearpod.com>) dan klip-klip video yang didapatkan dari laman Internet.

Prosedur Kajian

Pengkaji telah mengulang pengajaran dan pembelajaran mengenai 5W1H, rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dan Sudut Pandangan yang murid telah pelajari dalam subjek Bahasa Melayu dan subjek-subjek yang lain.

Guru menerangkan matlamat pembelajaran iaitu memperbaiki kemahiran lisan mereka. Guru menekankan dua kaedah yang akan digunakan untuk mencapai matlamat pembelajaran iaitu teknik penyoalan dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas.



Murid menonton klip video mengenai ‘Jiran yang baik’. Guru bersama murid mengaplikasikan kaedah yang dirancang. Guru menekankan sekalilagi pentingnya membina soalan-soalan yang bermutu bagi menjana idea dan jawapan yang baik.

Pada minggu seterusnya, guru menayangkan klip video kedua dan kali ini murid melakukannya secara berkumpulan dengan menggunakan aplikasi *Nearpod*.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pada akhir sesi PdP, murid dikehendaki mengisi borang rubrik yang meneliti keberkesanan pelajaran dan respons mereka terhadap pengajaran lisan yang telah dijalankan.


1. Murid dapat membina soalan-soalan bermutu yang berkaitan dengan klip video yang ditonton.
2. Murid lebih yakin (tidak lagi teragak-agak atau tergamam) ketika mahu menjawab soalan dan memberikan respons ketika ujian lisan.
3. Pemikiran dan jawapan murid juga lebih teratur sewaktu menjawab soalan lisan kerana telah berfikir secara kritis ketika membina soalan-soalan.
4. Murid menunjukkan kesungguhan dan boleh mengutarakan berbagai idea secara menyeluruh.
5. Kaedah yang diajar meningkatkan keyakinan dan kelancaran murid ketika memberi penerangan dan pendapat secara lisan.



Jadual 2: Maklum Balas Murid Mengenai Kaedah Penyediaan dan Menjadikan Pemikiran Jelas

No	Maklum Balas	Sangat Setuju (%)	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)
1	Saya boleh mengaitkan klip-klip video itu dengan situasi harian.	83	17	0
2	Saya dapat membina soalan-soalan 5W1H ketika menonton klip-klip video.	100	0	0
3	Saya dapat membina soalan-soalan bermutu setelah mengaplikasikan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya	79	21	0
4	Saya rasa seronok ketika melaksanakan kerja kumpulan dengan menggunakan aplikasi Nearpod	92	8	0
5	Saya lebih yakin untuk memberikan respons yang cemerlang semasa ujian lisan	75	17	8

Rajah 1: Maklum Balas Murid Mengenai Kaedah Penyediaan dan Rutin Berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas



Jadual 2 dan Rajah 1 menunjukkan respons positif murid terhadap pendekatan yang digunakan bagi membantu mereka mempertingkatkan penguasaan kemahiran bertutur. Dapatan daripada maklum balas menunjukkan bahawa murid-murid seronok menonton klip-klip video dan pada masa yang sama dapat berfikir dan menjana berbagai-bagai soalan bagi memberikan jawapan yang baik. Murid melibatkan diri secara aktif sepanjang pembelajaran. Murid lebih yakin untuk menjawab soalan-soalan lisan dengan baik. Murid jelas menunjukkan keinginan dan minat untuk mengaplikasikan penggunaan aplikasi *Nearpod* dan rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya dalam pertuturan mereka. Murid juga berupaya mengaitkan pengalaman dan membina soalan-soalan yang lebih bermutu setelah melalui usaha intervensi untuk memperbaiki prestasi mereka dalam ujian lisan. Secara keseluruhan, kaedah yang digunakan berjaya menarik minat murid dalam PdP lisan.

KESIMPULAN

Menurut hasil kajian dan perbincangan, penggunaan kaedah penyoalan dan rutin berfikir Menjadikan Pemikiran Jelas dapat membantu murid dalam mencapai kecemerlangan dalam perbualan di kelas dan semasa ujian lisan. Seorang guru pemeriksa memberi komen bahawa agak sukar bagi beliau untuk mengajukan '*turning question*' kerana murid telah berbual secara terperinci tanpa henti dan telah menyentuh kesemua aspek dalam video (diri, persekitaran dan saranan). Peratusan murid yang menjawab dengan hanya dua tiga patah perkataan juga hampir tiada selepas melalui sesi intervensi dalam kajian ini.

Namun begitu, ada juga hambatan yang dihadapi oleh pengkaji. Murid-murid yang lemah masih lagi menghadapi masalah kekurangan kosa kata untuk membina soalan-soalan bermutu dan memberikan respons yang baik. Murid tahu sesuatu perkara itu dalam Bahasa Inggeris tetapi tidak berjaya menyampaikannya dalam Bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan mereka masih teragak-agak iuntuk memberikan respons yang sesuai kepada soalan guru. Pasti banyak lagi usaha yang harus dijalankan bagi membantu golongan ini untuk mencapai matlamat yang diharapkan pada masa hadapan.



RUJUKAN

- David Perkins. (2004). Making thinking visible. *Educational leadership: Journal of the Department of Supervision and Curriculum Development*, N.E.A 65(5):57
- Heywood,J. (2000). *Assessment in higher education: Student learning, teaching, programmes and institutions*. London: Jessica Kingsley Publication.
- Ron Ritchhart, Mark Church and Karin Mirrison (2011). *Making Thinking Visible*. San Francisco,CA; Jossey Bass.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Tofade, Toyin et al (2003). Best practice strategies for effective use of questions as a teaching tool. *American Journal of Phamaceutical Education*. 77(7): 155. 10.5688/aipe777155.
- Walsh, Jackie A & Sattes, Beth D. (2017) *Quality Questioning: Research-based Practice to engage Every Learner*. McREL International
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim (2011). *Kepelbagaian kaedah penyoalan lisan dalam pengajaran guru Bahasa Melayu: Kaedah pemerhatian*. Kuala Lumpur: Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu.

